

KONFRONTASI ANTARA MALAYSIA DAN INDONESIA
(1963 – 1966) SEBAGAI
SATU ISU DALAM PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

Oleh

MURALI THARAN A/L C. T. VYTHESWARAN

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah
Sarjana Sastera

Oktober 2002

Penghargaan

Dengan kesyukuran Tuhan satu jangka masa yang panjang telah lalui untuk menyiapkan tesis ini. Segala cabaran dan halangan telah diatasi dengan bantuan yang telah dicurahkan kepada penulis.

Penulis merakamkan rasa hormat dan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Ariffin Omar, selaku penyelia utama yang telah meluangkan masa dan tenaga sehingga tesis ini dihasilkan. Penulis amat menghargai bimbingan, tunjukajar dan nasihat para penyelia. Kepada mereka yang telah memberi bantuan dan pendapat penulis ucapan terima kasih.

Penulis mengaturkan ucapan terima kasih kepada semua pensyarah Bahagian Sejarah, Universiti Sains Malaysia, terutama Prof. Madya Dr. Abu Talib, Prof. Madya Dr. Abdul Rahman, Prof. Madya Dr. Badriah, Prof. Madya Dr. Tan Liok Ee, Dr. Richard Mason dan kepada staf Perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Dengan segala hormatnya penulis mengucapkan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Qasim Ahmad, Universiti Sabah Malaysia yang telah mencadangkan idea tajuk tesis ini.

Ucapan terima kasih penulis disampaikan kepada Institut Pengajian Siswazah, Universiti Sains Malaysia yang kakitangannya sentiasa baik dan sudi memberi nasihat yang bernilai.

Seterusnya terima kasih dirakamkan kepada Arkib Negara (Kuala Lumpur), Perpustakaan Universiti Malaya, Institut Pengajian Perhubungan Antarabangsa, Pn. Munirah dari Unit Perancang Ekonomi (Jabatan Perdana Menteri), Balai Berita News Straits Times dan pihak-pihak lain. Kepada rakan sejawat saya Cham Nan, Vello Ragavan, Mariam Ismail dan Franklin,

semangat inspirasi yang dihulurkan, penulis menghargai segala bantuan dan nasihat.

Dengan segala ketulusan penulis mempersesembahkan rasa kasih kepada isteri yang disayangi, Pushpa dan anak-anak yang dicintai Sri Nisha, Thinesh dan Darven. Tanpa semangat mereka penulis tidak dapat mengharungi segala cabaran dalam penghasilan tesis ini. Terima kasih dicurahkan kepada Ayahanda Vytheswaran dan Bonda Rajeswary

Akhir kata, saya menyedari bahawa tesis ini masih jauh dari sempurna. Saya bertanggunjawab sepenuhnya jika terdapat sebarang kecacatan dalam tesis ini. Dalam proses menyediakan tesis ini saya menyedari bahawa peristiwa sejarah akan menjadi panduan kepada manusia. Sesuatu peristiwa sejarah dapat diperlihatkan daripada pelbagai sudut.

V. Murali Tharan
Universiti Sains Malaysia
Oktober 2002.

DAFTAR ISI

PENGHARGAAN	iii	
DAFTAR ISI	v	
DAFTAR SINGKATAN	vii	
ABSTRAK	x	
ABSTRACT	xii	
PENGENALAN	1	
Bab Satu	Asal-Usul Konfrontasi	17
	1.1 Penubuhan Malaysia	22
		39
Bab Dua	Ganyang Malaysia	
	2.1 Intensiti Konfrontasi	62
Bab Tiga	Sukarno dan Kuasa-Kuasa Besar	83
	3.1 Dasar Kennedy	96
	3.1 Tindakan Amerika Syarikat	109
Bab Keempat	Perhubungan Indonesia dengan China	127

	4.1 Pembinaan Perhubungan Rapat	130
	4.2 Perhubungan Ekonomi China-Indonesia	138
	4.3 Sukan dan Politik	144
	4.4 Persoalan Malaysia	148
	4.5 Kesimpulan	154
Bab Kelima	Majlis Keselamatan Sebagai Pendirian Pengaruh Kuasa-Kuasa Besar	159
	5.1 Amerika Syarikat dan Soal Konfrontasi	166
	5.2 Pendirian Afro-Asia	177
	5.3 Maksud Tersirat Dalam Perdebatan	201
	5.4 Kesimpulan Perdebatan	220
Bab Keenam	Ke Arah Penyelesaian	230
	6.1 Pengunduran Singapura dan Masalah Dalaman Malaysia	236
	6.2 GESTAPU dan Penyelesaian Konfrontasi	249
Kesimpulan		266
Bibliografi		276

DAFTAR SINGKATAN

ANZUS	Perikatan Pertahanan antara Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat
ASA	Association of Southeast Asia
BPS	Badan Pendukung Soekarnoisme
BTI	Barisan Tani Indonesia
CCO	Communist Clandestine Organization
CIA	Central Intelligence Agency
GERWANI	Gerakkan Wanita
GESTAPU	Gerakkan September
KAMI	Kesatuan Aksi Mahasiswa Indonesia
KAPPI	Kesatuan Aksi Pemuda Pelajar Indonesia
KOGAM	Komander Ganjang Malaysia
KOSTRAD	Komander Tentera Khas Strategik Indonesia
MANIPOL-USDEK	Manifesto politik Presiden Sukarno, ciri utama dalam Demokrasi Terpimpin
MCA	Malayan Chinese Association

MPRS	Majlis Permusyawaratan Rakyat Sementara
NASAKOM	Nasionalis, Keagamaan dan Komunis
NATO	North Atlantic Treaty Organization
NEFO	New Emerging Forces
NKKU	Negeri Kesatuan Kalimantan Utara
NSC	National Solidarity Convention
OLDFO	Old Established Forces
PANAS	Parti Negara Sarawak
PAP	Parti Tindakan Rakyat
PAS	Parti SeIslam Malaya
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PESAKA	Parti Pesaka Anak Sarawak
PKI	Parti Komunis Indonesia
PRRI	Pemerintahan Revolusioner Republik Indonesia
SAP	Sabah Alliance Party
SEATO	Southeast Asia Treaty Organization
SUPP	Sarawak United People's Party
TNKU	Tentera National Kalimantan Utara
UMNO	United Malay National Organization
UNKO	United National Kadazan Organization
UPKO	United Pasok Kadazan Organization

USIA

United States Information Agency

ABSTRAK

Kajian ini menggambarkan bagaimana Konfrontasi sebagai satu masalah politik antara Malaysia dan Indonesia menjadi satu isu dalam perhubungan antarabangsa. Konfrontasi dilihat dalam dimensi yang luas mencernakan bagaimana kuasa-kuasa besar mempergunakan isu ini sebagai percaturan ideologi di Asia Tenggara.

Masalah antara Malaysia dan Indonesia menjadi lebih ruwet akibat penglibatan kuasa-kuasa besar di Nusantara Melayu. Kuasa-kuasa besar yang cuba mendampingi Malaysia dan Indonesia, sebenarnya telah menghakiskan segala peluang untuk menyelesaikan masalah Konfrontasi secara serantau. Tambah lagi, isu Konfrontasi yang menjadi satu landasan kepada kuasa-kuasa besar telah merencatkan perhubungan yang baik di kalangan Negara-Negara Berkecuali.

Akibat percaturan kuasa-kuasa besar di Asia Tenggara, isu Konfrontasi di Majlis Keselamatan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak menerima satu penyelesaian yang baik. Walaupun Konfrontasi diperdebatkan di Majlis Keselamatan

mengikut lunas-lunas piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu namun perdebatan masalah Konfrontasi masih terikat kepada telunjuk jari kuasa-kuasa besar. Adanya, negara-negara Eropah barat dan Negara-Negara Berkecuali yang ingin menyelesaikan masalah Konfrontasi, malangnya resolusi yang dikemukakan telah di veto oleh Soviet Union. Akibat keputusan ini, Asia Tenggara mula berubah sebagai arena pergolakkan ideologi kuasa-kuasa besar.

Kegagalan penyelesaian masalah Konfrontasi di Majlis Keselamatan telah diberi satu wajaran baru apabila kedua-dua negara yang terlibat, mula mengelakkan konflik ketenteraan dan memikirkan kepentingan perhubungan diplomasi. Kegagalan Majlis Keselamatan untuk menyelesaikan masalah Konfrontasi telah diselesai melalui semangat serantau.

KONFRONTASI BETWEEN MALAYSIA AND INDONESIA (1963–1966) AS AN ISSUE IN INTERNATIONAL RELATIONS

ABSTRACT

This thesis is a study of confrontation (as known in the diplomatic term as Konfrontasi) a political conflict between Indonesia and Malaysia, which became an issue in international relations. In this study, Konfrontasi is seen in a wide dimension and as a phenomenon that involved superpowers, manipulated this issue against the background of ideological conflict of Cold War.

The political problem between Malaysia and Indonesia became more complex due to the involvement of superpowers in the Asia-Pacific region. These superpowers were trying to manipulate the relations between Malaysia and Indonesia and the interference of superpowers became an obstacle to form a regional resolution to overcome the political conflict between two nation states. Furthermore, Konfrontasi being a platform for the

superpowers wrecked the harmonious relationship among the non-alignment countries.

Konfrontasi as an issue at the United Nations Security Council failed to achieve a positive conclusion due to the ideological conflict among superpowers. Although Konfrontasi was brought under the jurisdiction of the United Nations charter, the debate was turned into a diplomatic drama of superpowers. Nevertheless some European and non-alignment countries were tried to seek a positive resolution to solve the problem between Malaysia and Indonesia. Southeast Asia became an ideological front when Soviet Union vetoed the concluding resolutions at the United Nations Security Council.

The failure to resolve the Konfrontasi problem at the United Nations Security Council carved a new scenario when Malaysia and Indonesia avoided the military conflict and begin to consider the importance of their diplomatic relations. Thus, the whole issue was resolved through regional spirit.

PENGENALAN

Konflik politik antara Malaysia dan Indonesia yang dikenali sebagai Konfrontasi telah menjadi satu peristiwa diplomatik antarabangsa. Kajian ini bertujuan untuk mencernakan bagaimana Konfrontasi dimanipulasi oleh kuasa-kuasa besar, semata-mata untuk memperluaskan pengaruh mereka di Asia Tenggara. Perang Dingin yang menghasilkan jurang besar antara kuasa-kuasa barat dan kuasa Komunis telah mencernakan Asia Tenggara sebagai satu medan percaturan ideologi. Kuasa-kuasa besar bertujuan untuk menjadikan negara-negara bangsa baru di Asia Tenggara sebagai kumpulan proksi masing-masing. Konfrontasi menjadi satu landasan yang relevan bagi kuasa-kuasa besar untuk menggunakan Malaysia dan Indonesia sebagai proksi utama agar impian mereka di Asia Tenggara dapat dicapai.

Hasil Kajian Sarjana Lain

Isu Konfrontasi telah menjadi kajian oleh beberapa para sarjana. Kajian J. A. C. Mackie merupakan satu kajian yang menyeluruh, menggambarkan bagaimana dua buah negara

bangsa yang terdiri daripada satu rumpun bangsa, mula mengalami satu perhubungan yang tegang.¹ Mackie telah mengupas sumber-sumber yang berada pada lewat 1960-an termasuk akhbar-akhbar tempatan dan luar negeri untuk menjelaskan bagaimana faktor-faktor yang wujud antara dua buah negara telah mencetus satu konflik yang dikenali sebagai Konfrontasi. Kajian beliau memaparkan kemampuan Sukarno untuk menggunakan Konfrontasi sebagai satu landasan untuk memantap kedudukannya dalam kancalah pergolakkan politik di Indonesia. Walaupun perbahasan beliau disampaikan secara padat namun perbincangan mengenai penglibatan kuasa-kuasa besar dalam soal Konfrontasi mahupun dalam perbahasan isu Konfrontasi di Majlis Keselamatan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak menerima satu penjelasan yang luas. Walau bagaimanapun, Mackie mengakui bahawa isu Konfrontasi dapat diperjelas sebagai satu unsur yang penting dalam perhubungan antarabangsa.

¹ J. A. C. Mackie, *Konfrontasi: the Indonesia-Malaysia Dispute 1963-1966* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974), hlm. 2.

Kajian lain, yang perlu diteliti ialah hasil penyelidikan Mohammad Abu Bakar.² Kajian ini telah menghasilkan satu penjelasan mengenai intensiti Konfrontasi akibat kegagalan Persidangan Tokyo pada bulan Julai 1964. Konfrontasi yang merupai pertengkaran lisan mula berubah menjadi satu konflik ketenteraan. Mohammad Abu Bakar telah mengambil selangkah ke depan untuk menerangkan intensiti Konfrontasi yang menjadi sebeginu ruwet lalu dijelma sebagai satu ugutan kepada penduduk di Nusantara Melayu. Kajian beliau mencakupi satu jangkamasa yang penting. Fokus kajian ini, menumpukan kepada kesan dan akibat kegagalan Persidangan Tokyo.

Arnold Brackman pula telah melihat isu Konfrontasi sebagai satu isu permainan kuasa-kuasa besar di Asia Tenggara.³ Hasil kajiannya merupakan gambaran asas bagaimana Malaysia dan Indonesia cuba mendampingi kuasa-kuasa besar untuk menyelesaikan isu Konfrontasi. Kajian ini lebih menumpukan kepada bagaimana intensiti Konfrontasi

² Mohammad Abu Bakar, *The Escalation of Konfrontasi (June-September 1964) Malaysia's Response to Indonesia's Confrontation Policy in the Aftermath of the Abortive Tokyo Summit*, Paper Presented to the Department of History Seminar (Petaling Jaya: University Malaya, 1978), hlm. 1-35.

³ Arnold C. Brackman, *Southeast Asia's Second Front: the Power Struggle in Malay Archipelago* (New York: Praeger, 1966), hlm. 198-244.

mula mengugut stabiliti Asia Tenggara. Perbincangan beliau merupakan satu perbincangan umum. Kajian Brackman telah mengikuti corak pandangan Mackie. Walaupun Brackman telah mengupas kedudukan dan pandangan Indonesia dalam soal Konfrontasi namun kajian beliau tidak menggambarkan pengaruh kuasa-kuasa besar dalam perspektif yang luas.

Selain itu, Peter Boyce telah mengumpul banyak dokumen-dokumen yang berkaitan dengan isu Konfrontasi. Kumpulan dokumen-dokumen ini, ialah satu tatapan kepada para pengaji yang ingin menerokai isu Konfrontasi.⁴ Kajian beliau membantu memaparkan perancangan-perancangan, pendapat-pendapat dan usul-usul yang telah dikemukakan oleh kerajaan Malaysia pada ketika itu, untuk menangkis cabaran Konfrontasi. Kajian Boyce disampaikan dengan penghuraian ringkas.

Salah satu kajian yang perlu dilihat ialah hasil penyelidikan mengenai dasar luar Indonesia yang merangkumi dua puluh tahun iaitu dari 1945 hingga 1965 oleh seorang diplomat kanan Indonesia. Ide Anak Agung Gde Agung telah menyandang beberapa jawatan penting di bawah jentera

⁴ Peter Boyce, *Malaysia and Singapore in International Diplomacy: Documents and Commentaries* (Sydney: Sydney University Press, 1968), hlm. 51-145.

pentadbiran Presiden Sukarno.⁵ Kajian beliau menggambarkan dasar luar Indonesia, semasa peristiwa Konfrontasi. Kajian ini dilihat dari sudut pandang Indonesia.

Salah satu kajian terkini ialah hasil kajian ilmiah Karl Hack, yang menerangkan penglibatan Britain secara ekstensif dalam isu Konfrontasi.⁶

Kewajaran Kajian ini

Kajian ini mengupas peristiwa Konfrontasi sebagai satu isu dalam perhubungan antarabangsa, khasnya di Majlis Keselamatan. Kajian ini mengupas bagaimana kuasa-kuasa besar mempergunakan isu Konfrontasi untuk memperkuuh pengaruh dan kedudukan mereka di Asia Tenggara. Isu Konfrontasi bukan sahaja boleh dilihat sebagai masalah antara dua buah negara malah ia menjadi landasan kepada kuasa-kuasa besar dalam percaturan ideologi mereka di Asia Tenggara. Fokus utama kajian ini ialah untuk meneliti keadaan sebenarnya di Majlis Keselamatan apabila kes Malaysia dikemukakan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah

⁵ Ide Anak Agung Gde Agung, *Twenty Years Indonesian Foreign Policy 1945-1965* (Yogyakarta: Duta Wacana University Press, 1990), hlm. 282-444.

⁶ Karl Hack, *Defence and Decolonisation in Southeast Asia. Britain, Malaya and Singapore 1941-1968* (Surrey: Curzon Press, 2001).

artikel 39. Perbahasan isu Konfrontasi di bawah artikel ini, merupakan satu sandiwara di mana kuasa-kuasa besar dengan agenda sendiri telah memutarbelitkan fungsi asas Majlis Keselamatan sebagai medan pendamai. Apa yang dibincangkan di Majlis Keselamatan oleh kuasa-kuasa besar sebenarnya tidak ditonjolkan di Asia Tenggara. Masalah antara dua buah negara bangsa menjadi satu keadaan yang sesuai bagi kuasa-kuasa besar untuk memperkembang dan memaparkan pengukuhan ideologi mereka di arena antarabangsa. Sehingga hari ini pergelakkan tempatan kerap melibatkan kuasa-kuasa besar seperti apa yang sedang berlaku di Timor Timur.⁷ Objektif kajian ini melihat bagaimana Konfrontasi yang sebenarnya merupakan satu isu tempatan telah dieksplorasikan oleh kuasa-kuasa besar sebagai satu isu antarabangsa. Ini adalah satu fenomena baru dalam perhubungan antarabangsa, di mana kebanyakan isu-isu yang melibatkan negara-negara bangsa, biasanya diputarbelitkan di arena antarabangsa.

⁷ John G. Taylor, *East Timor: the Price of Freedom* (New York: Zed Books, 1990). Lihat juga Peter Carey dan G. Carter Bentley, penyunting, *East*

Kandungan Bab

Kajian ini telah dibahagikan kepada enam bab, menggambarkan latarbelakang bagaimana fakta-fakta bergerak sehingga menjadikan Konfrontasi sebagai satu isu antarabangsa di Majlis Keselamatan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Bab pertama menonjolkan bagaimana Malaysia lahir sebagai sebuah negara bangsa baru mula mengalami perhubungan diplomasi yang tegang dengan Indonesia. Fakta-fakta yang mengakibatkan Singapura untuk bergabung dengan Malaya dan bagaimana Tunku Abdul Rahman membuat keputusan untuk menerima Singapura, Sabah dan Sarawak sebagai komponen utama Malaysia.

Bab kedua memperlihatkan bagaimana Presiden Sukarno melaksanakan dasar “Ganyang Malaysia” atas alasan bahawa Persekutuan Malaysia adalah projek neo-kolonialisme kuasa Britain. Bab ini juga menerangkan penglibatan kuasa Britain, peringkat demi peringkat dalam isu Konfrontasi. Tambah lagi, bab ini, menggambarkan pendirian dan ideologi Sukarno. Ideologi Sukarno yang dikonsepsualisasikan telah

Timor at the Crossroads: the Forging of a Nation (London: Cassel, 1997). hlm. 137-147.

mengunkitkan satu keadaan yang keruh sehingga Indonesia mensyaki Britain dan Kuasa-kuasa Barat lain, mula merancang sejenis lagi neo-kolonialisme di rantau Asia Tenggara. Pencapaian Irian Barat telah memberi semangat kepada Presiden Sukarno untuk mencari satu pengembaraan baru, semata-mata untuk mengatasi masalah dalaman Indonesia. Pemberontakan Brunei 1962, menjadi faktor serta-merta bagi Presiden Sukarno untuk menganjurkan Konfrontasi. Bab ini, membincang unsur-unsur yang menggagalkan Persidangan Tokyo yang telah meruwetkan keadaan di Asia Tenggara. Kegagalan persidangan ini, telah mewujudkan satu keadaan yang genting di mana Malaysia yang tidak menemui jalan penyelesaian telah mengutarakan kes mereka di Majlis Keselamatan. Kuasa-kuasa barat yang menyokong Malaysia telah mengkemukakan pendapat mereka terhadap Indonesia. Indonesia pula, disokong oleh dua buah negara iaitu Soviet Union dan Czhechoslovakia. Dalam pada itu, Negara-Negara Berkecuali dan dua buah negara Eropah, Norway dan Perancis telah menjanakan pendirian dan pendapat yang agak berbeza berbanding dengan Britain, Amerika Syarikat dan Soviet Union. Negara-negara seperti Ivory Coast, Morocco dan Norway telah berusaha untuk mencapai satu penyelesaian agar konflik dan krisis tidak mengancam

kedaulatan negara-negara lain di Asia Tenggara mahupun menjadi satu krisis antarabangsa.

Bab ketiga membincang perhubungan Sukarno dengan kuasa-kuasa besar. Bab ini menumpukan fokusnya kepada kehadiran kuasa Amerika Syarikat dan secara ringkas menonjolkan peranan Soviet Union dan Britain. Dalam bab ini, para pembaca dapat mengesan pendirian yang dipegang oleh kuasa-kuasa besar ke atas isu Konfrontasi. Seterusnya fakta-fakta menjelaskan keinginan Amerika Syarikat menjadikan Presiden Sukarno sebagai benteng penghalang penyebaran ideologi Komunisme di Indonesia dan rantau Asia Tenggara. Dasar Amerika Syarikat di Indonesia dikupas mengikut tiga sudut iaitu dasar Amerika Syarikat sebelum Presiden Kennedy, semasa Kennedy dan selepas Kennedy, telah mengukirkan satu perhubungan dengan Indonesia. Dasar sebelum Kennedy melibatkan isu Irian Barat. Indonesia di bawah kepimpinan Sukarno telah berjuang dengan Belanda untuk mendapatkan Irian Barat. Dalam perjuangan ini Amerika Syarikat tidak melibatkan diri secara dalam. Tambah lagi, Sukarno kerap mensyaki bahawa Amerika Syarikat menjalankan aktiviti subversif melalui pemberontakan yang dianjurkan oleh Pemerintah Revolusioner Republik Indonesia (PRRI) dengan

tujuan mengubah corak kerajaan Indonesia. Pada ketika ini, Sukarno mula mengamalkan Demokrasi Terpimpin dan membiarkan Parti Komunis Indonesia (PKI) untuk meningkatkan kedudukannya. Semasa pentadbiran Kennedy, dasar Amerika Syarikat mula berubah, di mana Amerika Syarikat menyokong Indonesia dalam soal Irian Barat, walaupun Amerika Syarikat terpaksa mengorbankan kepentingan kedudukan Belanda sebagai anggota NATO. Soviet Union pula cuba mempengaruhi Indonesia dengan menghulurkan bantuan ketenteraan agar Indonesia dapat mempergunakan kelengkapan senjata terhadap Belanda. Tujuan Soviet Union ialah untuk mengurangkan pengaruh Amerika Syarikat di rantau Asia Tenggara. Soviet Union cuba menarik perhatian PKI agar PKI dapat mempermainkan sebagai medium perantara objektif Soviet Union di Indonesia. Negara Britain, Australia dan New Zealand mula membina benteng terhadap pengaruh Indonesia. Tambah lagi, perikatan pertahanan antara Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat (ANZUS) mula menjadi penting agar Indonesia tidak melaksanakan perang terbuka terhadap Malaysia. Dalam bab ini, juga dibincangkan bagaimana pengaruh Komunis China mula menjadi ketara dan telah menular masuk ke pucuk

kepimpinan Indonesia. Akibat ini, Indonesia mula tersepit antara pengaruh China dan Soviet Union.

Bab keempat menjelaskan perhubungan rapat Indonesia dengan China, akhirnya mengasing Indonesia dari Negara-Negara Berkecuali. Pada tahap permulaan, perhubungan dengan negara China tidak dipandang secara positif. Selepas perjanjian Kewarganegaraan Berkembar (Dual Nationality) ditandatangani, Indonesia di bawah Sukarno mula bergerak ke arah China. Pada ketika ini, PKI mula bercondong ke arah China. Kerajaan China menghulurkan bantuan ekonomi kepada Indonesia. Indonesia mula mengungkapkan dasar-dasar China di Asia Tenggara. Dalam bidang sukan, Sukarno mula berpisah daripada Majlis Olimpik Antarabangsa (IOC) akibat satu krisis lalu mengasaskan Sukan Kemunculan Kuasa Baru (GANFO). Istilah Kemunculan Kuasa Baru (NEFO) dan Pertubuhan Kuasa Lama (OLDFO) menjadi intipati dasar Sukarno. Dengan dasar ini, Indonesia mula mengasingkan diri dari arena antarabangsa. Dengan inspirasi baru Sukarno telah melaksanakan "Ganyang Malaysia" secara intensif. Pada hal, Indonesia telah bergerak selangkah ke depan untuk mengasingkan Malaysia dan Soviet Union daripada pertubuhan Negara-Negara Berkecuali. Akibat ini, China merasa lega ekoran daripada kepupusan pengaruh

Soviet Union di rantau Asia Tenggara. Perhubungan erat Indonesia dengan China telah menyingkirkan India sebagai pelopor utama di Asia. Setiap tindakan Sukarno telah memudarkan semangat Bandung lalu menutup segala peluang untuk menyelesaikan Konfrontasi mengikut semangat Asia.

Bab Kelima menggambarkan Majlis Keselamatan sebagai latarbelakang pendirian pengaruh kuasa-kuasa besar. Amerika Syarikat menganggap Asia Tenggara sebagai kawasan yang begitu lentur kepada pengaruh Komunis. Asia Tenggara sebagai satu kawasan geo-politik yang strategik menjadi kawasan pertarungan antara kuasa barat dan kuasa Komunis. Perang Dingin di Asia Tenggara dapat diperlihat melalui isu Konfrontasi. Malaysia dan Indonesia yang tersepit dengan impian dan cita-cita kuasa besar tidak dapat mencapai satu penyelesaian. Malaysia terpaksa bersandar kepada kuasa barat untuk mendapat perlindungan daripada ancaman Komunis. Artikel 39 yang sepatutnya menjadi saluran penyelesaian hanya menjadi sebagai satu drama dipentaskan oleh kuasa-kuasa besar. Malaysia mencapai satu sokongan moral sahaja. Indonesia mula beranjak secara ketara ke arah negara China. Perbahasan di Majlis Keselamatan telah merumitkan keadaan di Asia Tenggara. Apa yang dibincangkan di Majlis Keselamatan

adalah satu perdebatan antara kuasa-kuasa besar. Namun apa yang diutarakan oleh kuasa-kuasa besar di Majlis Keselamatan tidak menggambarkan pendirian sebenarnya di Asia Tenggara. Bab ini mempunyai dua bahagian yang penting iaitu bahagian pertama menunjukkan pendirian Amerika Syarikat dan Soviet Union terhadap Perang Dingin dan di satu pihak, diperlihatkan juga kemaraan kuasa China di Asia Tenggara. Selain daripada kuasa-kuasa besar di Majlis Keselamatan, bab ini juga membuat satu analisis mengenai kedudukan Negara-Negara Berkecuali. Secara khususnya, dilihat bagaimana Sukarno hilang sokongan Negara-Negara Berkecuali akibat perhubungan erat Sukarno dengan negara China. Maka bab ini membincang soal Konfrontasi di medan diplomasi antarabangsa.

Bab keenam menonjolkan bagaimana faktor-faktor dalaman mengakibatkan beberapa perubahan dalam soal Konfrontasi. Pengunduran Singapura dari gabungan Malaysia telah memperhebatkan dasar Konfrontasi Sukarno. Dalam bab ini, diperlihatkan juga pelbagai isu yang muncul, misalnya masalah politik Malaysia dan pergerakan GESTAPU di Indonesia, melahirkan satu dimensi baru untuk menyelesaikan masalah Konfrontasi. Walaupun masalah Konfrontasi tidak dapat diselesai secara kukuh di Majlis Keselamatan, namun

Konfrontasi telah diberi satu wajaran apabila para birokrat baru Indonesia mula menyedar keperitan masalah ekonomi dan betapa pentingnya perhubungan diplomasi dengan negara-negara lain.

Sumber dan Kaedah

Saya mengambil selangkah ke depan untuk melihat Konfrontasi sebagai satu isu dalam perhubungan antarabangsa. Mengikut sudut ini, sumber-sumber yang berdasarkan kepada dokumen-dokumen Perhubungan Antarabangsa Amerika Syarikat, akhbar-akhbar dan artikel-artikel yang menjelaskan penglibatan kuasa-kuasa besar dalam isu Konfrontasi. Selain daripada dokumen-dokumen perbahasan isu Konfrontasi di Majlis Keselamatan, kumpulan dokumen-dokumen Perhubungan Antarabangsa Amerika Syarikat menggambarkan bagaimana Amerika Syarikat merancang untuk menangkis kemaraan Soviet Union dan China di Asia Tenggara. Ini telah membantu menjelaskan setakat mana Konfrontasi menjadi begitu penting kepada kuasa-kuasa barat. Sebagai pengimbang interpretasi dokumen-dokumen ini, beberapa sumber rasmi kerajaan Malaysia dan Indonesia diguna sebagai sumber rujukan. Kedua-dua kumpulan dokumen ini membantu

menyampaikan perbincangan secara rasional. Saya telah mendapat bantuan sebegini bernilai dari pihak Arkib Negara untuk mengaji dokumen-dokumen rasmi tersebut. Seberapa boleh saya telah menggunakan pelbagai sumber yang dihasilkan oleh para sarjana barat dan tempatan agar perbincangan kajian ini tidak terheret ke satu pihak sahaja.

Selain daripada sumber-sumber pertama, saya telah mengalami kesukaran untuk mendapat sumber lisan kerana kesahihannya dapat dipersoalkan. Memandangkan saya berasal dari Labis, Johor, saya mengenali tempat di mana anggota tentera payung terjun (ABRI) mendarat dan balai polis di mana Tony Aban dan Lt. Sukitno ditangkap.⁸ Namun sumber-sumber lisan yang saya temubual masih tidak dapat menonjolkan peristiwa Konfrontasi secara jelas.

Saya telah berusaha untuk mengungkapkan kenyataan dalam Bahasa Inggeris agar maksud sebenarnya wujud dan semua kenyataan ini telah diterjemahkan. Seberapa boleh, saya telah merujuk kepada istilah sejarah supaya intipati bahasa sejarah tidak terhakis.

⁸ "Voluntary Statements of Tony Aban s/o Aban Sumita Recorded by Inspector Lokman Hakim at Labis, Johore, on 2 September 1964 at

Kesimpulan

Tesis ini bertujuan untuk menyampaikan peristiwa Konfrontasi sebagai satu isu yang penting dalam perhubungan antarabangsa. Tujuan kajian ini ialah untuk mengambil selangkah ke depan untuk melihat fakta-fakta yang menimbulkan masalah Konfrontasi dapat juga dikaji daripada pelbagai sudut. Sumber yang digunakan dalam tesis ini lebih berkaitan dengan pendirian kuasa-kuasa besar dan bagaimana kuasa besar mengambil peluang untuk memanipulasi isu Konfrontasi sebagai landasan untuk memperkuuh kedudukan mereka di Asia Tenggara.

2000 hours from Malay to English" dalam *Malaysia's Case in the United Nations Security Council*, hlm. 89-90.

BAB SATU

ASAL-USUL KONFRONTASI

Asia Tenggara telah lama mengalami zaman penjajahan. Zaman penjajahan ini telah membawa arus keperitan dan penderitaan. Penduduk di Asia Tenggara telah melalui pelbagai cabaran untuk membina negara bangsa. Proses pembinaan negara bangsa kerap menemui halangan dan rintangan yang kental. Ada negara mencapai kedaulatan mereka melalui saluran rundingan dan ada pula mengguna saluran revolusi dalam perjuangan mereka. Dengan itu, hasil perjuangan penentangan kuasa penjajah melahirkan negara-negara bangsa dengan impian dan pendirian sendiri. Setiap dasar negara bangsa, diukir atas impian dan pendidrian ini. Kadangkala, dasar-dasar sesebuah negara bangsa mempunyai unsur yang serasi dan berbeza dengan negara-negara lain. Akibat pertindihan dan persamaan ini, beberapa konflik muncul lalu menjadi sebagai polemik politik dan diplomasi serantau. Konflik dan pertindihan dasar kerap bergantung kepada prinsip dan nilai-nilai politik sesebuah negara bangsa. Dari satu segi, soal sempadan dan wilayah menjadi punca konflik antara negara-negara bangsa. Manakala, dari sudut yang lain dasar-dasar luar

dan dalaman sesebuah negara kerap merumitkan perhubungan diplomasi.

Negara bangsa baru di Asia Tenggara adalah satu rekaan kuasa penjajah.¹ Perkara ini dapat dilihat di Malaysia dan Indonesia, di mana sempadan kedua-dua negara ini telah direka oleh Britain dan Belanda sebagai kawasan pengaruh masing-masing. Sempadan-sempadan Malaysia dan Indonesia mula wujud sebagai garisan pengaruh Britain dan Belanda pada tahun 1824. Garisan-garisan sempadan ini telah memisahkan segolongan manusia yang mempunyai ikatan rapat dari segi nilai, budaya dan bangsa. Namun perhubungan antara kedua-dua golongan peribumi ini masih rapat walaupun wujudnya sistem pemerintahan yang berbeza di bawah kedua-dua kuasa barat. Misalnya pada penghujung 1931, para imigran dari Sumatera telah berhijrah beramai-ramai ke Tanah Melayu di mana golongan penduduk ini telah menetap dan mengamalkan nilai-nilai hidup penduduk tempatan.² Mengikut laluan zaman, penduduk kedua-dua negara ini mula menerokai corak hidup masing-masing. Nilai politik dan pegangan dasar yang berbeda,

¹ D. J. Steinberg, penyunting, *In Search of Southeast Asia* (New York: Praeger, 1971), hlm. 194.

² Vlieland, *Report on the 1931 Census and on Certain Problems of Vital Statistics* (London: Crown Agents for the Colonialist, 1932), hlm. 105-115.

telah menjana satu latarbelakang yang menyebabkan krisis politik.

Hasil perjuangan Indonesia terhadap kuasa penjajah telah menjadi satu semangat baru di Nusantara. Kemunculan Indonesia sebagai sebuah negara bangsa terulung di Nusantara menjadi satu landasan kepada beberapa pemimpin Indonesia untuk mengakui kepimpinan Indonesia ke atas penduduk Melayu yang lain di Nusantara. Tanggapan ini diperkuuh pada awal abad ke 20, apabila semangat nasionalis mula-mula muncul di kepulauan Indonesia.

Idea yang menggambarkan Indonesia sebagai pelopor utama di Nusantara Melayu menjadi lebih hangat pada pertengahan 1940-an dan 1950-an. Ramai tokoh-tokoh politik Indonesia melihat negara mereka sebagai pemimpin yang unggul di Nusantara. Salah seorang tokoh politik yang mengutarakan idea perluasan sempadan ialah Muhammad Yamin. Beliau menyarankan Indonesia moden seharusnya merangkumi wilayah-wilayah Semenanjung Malaya, Sumatera, Kalimantan, Jawa, Sulawesi, Maluku dan Irian Barat seperti yang telah ditetapkan semasa zaman pra-penjajahan.³ Ide yang disarankan

³ Pendapat Mohammad Yamin dipetik dalam Jon M. Reinhardt, *Foreign Policy and National Intergration: The Case of Indonesia* (New Haven: Yale University Press, 1971), hlm. 18.

oleh Muhammad Yamin sekali lagi diutarakan kepada Badan Penyelidik Kemerdekaan Indonesia pada 11 Julai 1945, agar negara Indonesia yang berdaulat merangkumi wilayah-wilayah tersebut.⁴ Sempadan yang berdasarkan kepada warisan sejarah menjadi begitu penting kepada Indonesia untuk membangun sebagai sebuah negara bangsa baru yang kukuh di rantau Asia Tenggara. Dalam proses mengaji sempadan Indonesia, Presiden Sukarno biasanya menggunakan dua alasan iaitu beliau bersandar kepada zaman keagungan Majapahit dan beliau kerap menggunakan konsep “Bhineka Tunggal Ika” (Kesatuan Dalam Pelbagai). Tindakan beliau sedemikian adalah untuk memperteguh kedudukan Indonesia sebagai sebuah wilayah yang luas di Nusantara.⁵ Pendirian Indonesia dalam perkara ini telah menjadikan soal Irian Barat dan Malaysia sebagai satu isu politik, lalu menjadi agenda Konfrontasi Indonesia. Dengan tanggapan ini, pembentukan negara bangsa yang

⁴ Benedict R. O'G Anderson, *Some Aspects of Indonesian Politics under the Japanese Occupation 1944-1945*, Cornell Modern Indonesian Project, Interm Department Series (Ithaca dan New York, Cornell University, 1961), hlm. 18-32. Ucapan Mohammad Yamin dapat juga dipetik dalam *Background to Indonesia's Policy towards Malaysia* (Kuala Lumpur: Deparment of Information, 1964).

⁵ Arend Lijphart, "The Indonesian Image of West Irian", *Asian Survey*, vol. 5, July 1961, hlm. 9-16.

berorientasikan kepada warisan sejarah telah membina semangat nasionalisme Indonesia.⁶

Semangat nasionalisme tidak menjadi sebutan bibir sahaja. Perjuangan rakyat Indonesia terhadap kuasa Belanda pada 1945, sedikit sebanyak memberi ilham baru kepada orang Melayu Malaya dan kaum-kaum lain di Malaya untuk membebaskan diri daripada konkongan kolonialisme.⁷ Negara-negara baru seperti Malaya memandang perkembangan nasionalisme di Indonesia sebagai salah satu saluran untuk menentang penjajah.⁸ Akibat ini, perjuangan tokoh-tokoh Melayu terhadap kuasa Britain menjadi lebih kental. Tokoh-tokoh Melayu yang terlibat dalam pergerakkan ini, ialah Ibrahim Yaakob, Ishak Hj. Mohammad dan Ahmad Boestamam.⁹ Ibrahim Yaakob terus mara ke depan dengan idea-idea radikal lalu menu buhkan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung. Motif utama Ibrahim Yaakob ialah untuk bekerjasama dengan Sukarno agar Malaya dan Indonesia menjadi sebuah negara kesatuan.¹⁰

⁶ J. A. C. Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 18.

⁷ Radin Soenarno, "Malay Nationalisme 1900-1945", *Journal of Southeast Asia*, vol. 1, no. 1, March 1960, hlm. 1-28.

⁸ J. A. C. Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 19.

⁹ J. A. C. Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 20.

¹⁰ J. A. C. Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 28.

Perjuangan parti-parti politik ini kerap bersandar kepada Indonesia sebagai sumber ilham untuk mempergiatkan perjuangan mereka terhadap kuasa Britain. Namun, apabila Malaysia lahir sebagai sebuah negara bangsa baru, parti-parti politik ini mula hilang kedudukannya akibat kemunculan segolongan pemimpin baru yang bertujuan untuk mendapat kemerdekaan dari kuasa Britain melalui perundingan. Adalah wajar untuk melihat bagaimana kelahiran Malaysia mengakibatkan soal konflik antara dua buah negara bangsa.

Penubuhan Malaysia

Pada 27 Mei 1961, di sebuah Majlis Wartawan Luar Negara di Singapura, Tunku Abdul Rahman telah mengemukakan idea untuk menggabung wilayah-wilayah Malaya, Singapura, Sarawak dan Borneo Utara (Sabah) yang mempunyai unsur ekonomi, politik dan etnik yang sama dalam satu persekutuan.¹¹ Pada hal, konsep persekutuan ini pernah juga diutarakan oleh Lord Brassey, wakil Syarikat Hindia British Timur, pada penghujung abad ke 19.¹² Konsep persekutuan bukan merupakan satu konsep baru yang dilahirkan oleh Tunku

¹¹ *Merger proposal: Statement by Tunku Abdul Rahman, 27 May 1961, Extract from speech to Foreign Correspondents' Association, Singapore* (Kuala Lumpur: Department of Information, April 1962), hlm. 6.

Abdul Rahman, sebab pada tahun 1949 Suruhanjaya Britain untuk Asia Tenggara, Malcolm Macdonald, memberitahu Mohammad Hatta dan Sukarno bahawa Britain memang bertujuan untuk memberi kemerdekaan kepada Sarawak dan Borneo Utara tetapi bukan sebagai negara berasingan malah sebagai satu persekutuan. Mohammad Hatta berpendapat tindakan Britain tidak akan diterima oleh pihak-pihak lain, khasnya Indonesia.¹³

Britain sememangnya bercadang untuk berundur dari Tanah Melayu.¹⁴ Britain ingin menyampaikan corak pemerintahan Malaya kepada tokoh-tokoh Melayu yang berpendidikan barat agar negara bangsa baru ini tidak tergulai ke tangan tokoh-tokoh yang dipengaruhi oleh ideologi Komunisme. Komunisme yang sedang berkembang secara mendadak di rantau Asia Tenggara menjadi satu ugutan kepada kedudukan negara bangsa baru ini, yang wujud di atas pelbagai komposisi golongan etnik seperti orang Melayu, Cina dan India.

¹² Jon M. Reinhardt, *Foreign Policy and National Intergration*, hlm. 79.

¹³ Mohammad Hatta, "One Indonesian View of the Malaysian Issue", *Asian Survey*, vol. 5, no. 3, March 1965, hlm. 140.

¹⁴ Karl Hack telah membincang perkara tersebut secara dalam. Beliau telah menggunakan pelbagai dokumen kerajaan Britain, sila rujuk Karl Hack, *Defence and Decolonisation in Southeast Asia. Britain, Malaya and Singapore* (Surrey: Curzon Press, 2001), hlm. 192-205.

Negara Britain telah mengalukan cadangan Tunku Abdul Rahman untuk menubuhkan sebuah persekutuan baru sebagai satu halangan kepada golongan Komunis yang ingin menguasai Malaya dan Singapura.¹⁵ Penubuhan persekutuan ini, akan menyeimbangkan jumlah penduduk kaum Cina yang kerap terdedah kepada pengaruh Komunisme. Britain berpendapat persekutuan baru ini, akan menyekat pengaruh aliran Komunisme dan juga dapat menyelematkan Singapura daripada konkongan golongan Komunis.

Singapura menjadi medan tumpuan masalah ini kerana majoriti bangsa di Singapura adalah orang China. Lee Kuan Yew, ketua Parti Tindakan Rakyat (PAP) di Singapura cuba menyakinkan golongan politik Melayu di Kuala Lumpur dengan mengadakan pilihanraya terhad.¹⁶ Mengikut Brackman, pada tahap awal (Mac, 1962) Tunku Abdul Rahman tidak begitu reseptif dengan idea Lee Kuan Yew, kerana beliau berpendapat komposisi masyarakat Melayu akan terjejas akibat peningkatan penduduk bangsa Cina.¹⁷ Pada tahun 1961, Malaya mempunyai

¹⁵ Perenggan ini diolah berdasarkan kepada Jon M. Reinhardt, *Foreign Policy and National Intergration*, hlm. 80.

¹⁶ Micheal Leifer, "Politics in Singapore", *Journal of Commonwealth Political Studies*, vol. 2, no. 2, May 1964, hlm. 103.

¹⁷ Arnold Brackman, *Southeast Asia Second Front: the Power Struggle in Malay Archipelago* (New York: Preager, 1966), hlm. 22. Lihat juga "Merger Proposal: Statement by Tunku Abdul Rahman", 16 October 1961, Federation of